

FIQH AL-WAQI': TERAS REVOLUSI KETERANGAN FORENSIK DIGITAL DALAM MEMBENDUNG JENAYAH SYARIAH SIBER

FIQH AL-WAQI': THE CORE OF A FORENSIC DIGITAL EVIDENCE REVOLUTION IN COMBATING CYBER SYARIAH CRIMES

Tuan Muhammad Faris Hamzi Tuan Ibrahim

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM),
81310 Skudai, Johor, Malaysia. *dan;*

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Nasrul Hisyam Nor Muhamad

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM),
81310 Skudai, Johor, Malaysia.

Mohamad Aniq Aiman Alias

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Ahmad Syukran Baharuddin*

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

**Corresponding author: ahmadsyukran@usim.edu.my*

Article History:

Received : 14 January 2025

Accepted : 19 March 2025

Published : 26 June 2025

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Tuan Ibrahim, T. M. F. H., Nor Muhamad, N. H., Alias, M. A. A. & Baharuddin, A. S. (2025). *Fiqh Al-Waqi'*: Teras Revolusi Keterangan Forensik Digital dalam Membendung Jenayah Syariah Siber. *Jurnal 'Ulwan*, 10(1), 28-46.

ABSTRAK

Fiqh al-Waqi' adalah cabang penting dalam perundangan Islam yang menekankan keupayaan serta kebolehsuaian hukum syarak bagi menyesuaikan diri dengan cabaran semasa. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis penerapan *fiqh al-waqi'* dalam konteks kemampuan dan revolusi pembuktian jenayah syariah siber, khususnya melalui integrasi teknologi moden. Pendekatan ini bertujuan memastikan revolusi pembuktian kesalahan jenayah adalah relevan dan selaras dengan prinsip syarak. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif melalui pendekatan

dokumentari bagi metode pengumpulan data dan analisis kandungan bagi metode analisis data. Hasil kajian menunjukkan bahawa forensik digital berperanan penting dalam mengumpul, menganalisis, dan mengesahkan bukti elektronik secara saintifik dan sistematik melalui peralatan yang diiktiraf dunia. Teknologi ini memperkukuh ketepatan dan kebolehpercayaan bukti, sekali gus mengatasi kelemahan kaedah pembuktian tradisional dalam menghadapi jenayah siber. Dalam kerangka Syariah, tiga *qawā'id al-fiqhiyyah* utama dikenalpasti sebagai asas dalam mengintegrasikan teknologi ini, iaitu *La Yunkar Taghayyur al-Ahkam bi Taghayyur al-Azman wa al-Ahwal* (hukum berubah mengikut zaman dan keadaan), *Al-Dhararu Yuzal* (kemudaratan mesti dihapuskan), dan *Tasarruf al-Imam 'ala al-Ra'iyah Manutun bi al-Maslahah* (tindakan pemimpin bergantung kepada masalah). Akhir sekali, penulis mencadangkan agar penyelidikan masa depan memberi fokus kepada kajian keserasian pembuktian melalui teknologi baharu dengan standard Syariah. Langkah ini penting untuk menangani cabaran penyesuaian perundangan moden secara menyeluruh, sekali gus memperkukuhkan dinamisme prinsip-prinsip Islam dalam menghadapi perubahan realiti semasa.

Kata kunci: *fiqh al-waqi'*, keterangan digital, kesalahan jenayah syariah, pembuktian, mahkamah syariah

ABSTRACT

Fiqh al-Waqi' is an important branch of Islamic jurisprudence that emphasizes the capability and adaptability of Shariah law to respond to contemporary challenges. This study aims to analyze the application of fiqh al-waqi' in the context of the capability and revolution of evidence in cyber Syariah crimes, particularly through the integration of modern technology. This approach seeks to ensure that the revolution in criminal evidence remains relevant and in line with Shariah principles. This study adopts a qualitative methodology through a documentary approach for data collection and content analysis as the method of data analysis. The findings indicate that digital forensics plays a significant role in the scientific and systematic collection, analysis, and authentication of electronic evidence using globally recognized tools. This technology enhances the accuracy and reliability of evidence, thereby overcoming the weaknesses of traditional evidentiary methods in addressing cybercrime. Within the framework of Shariah, three main qawā'id al-fiqhiyyah (Islamic legal maxims) have been identified as the foundation for integrating this technology, namely La Yunkar Taghayyur al-Ahkam bi Taghayyur al-Azman wa al-Ahwal (laws change with time and circumstances), Al-Dhararu Yuzal (harm must be eliminated), and Tasarruf al-Imam 'ala al-Ra'iyah Manutun bi al-Maslahah (the ruler's action towards the people must be based on public interest). Finally, the author suggests that future research should focus on examining the compatibility of evidence through new technologies with Shariah standards. This step is crucial to comprehensively address the challenges of aligning modern legal frameworks and to reinforce the dynamism of Islamic principles in facing the realities of contemporary change.

Keywords: *fiqh al-waqi'*, *digital evidence*, *Syariah criminal offences*, *proof*, *Syariah court*

1.0 PENGENALAN

Agama Islam tidak boleh dipisahkan daripada nas, iaitu sumber wahyu yang diturunkan oleh Allah melalui Rasul-Nya sebagai panduan utama kepada manusia. Nas berfungsi sebagai asas hukum yang menjadi rujukan dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuk akidah, ibadah, muamalat, dan perundangan. Walaupun demikian, Islam juga mengambil kira realiti keadaan semasa dan konteks masyarakat dalam pelaksanaan hukum dan dakwah. Ini kerana realiti setempat memainkan peranan penting dalam memastikan hukum yang digubal dan pelaksanaan syariat bersesuaian dengan keperluan dan cabaran umat pada masa tersebut.

Konsep ini ditekankan dalam disiplin ilmu usul al-fiqh melalui pendekatan yang dikenali sebagai *fiqh al-waqi'*. *Fiqh al-waqi'* bukan sahaja melibatkan kefahaman terhadap teks-teks agama, tetapi juga menuntut ulama dan pendakwah memahami situasi semasa, budaya setempat, dan faktor-faktor sosial yang mempengaruhi kehidupan umat Islam. Dengan mengintegrasikan nas dan realiti, *fiqh al-waqi'* membolehkan hukum Islam diaplikasikan secara relevan, adil, dan berkesan dalam pelbagai konteks.

Fiqh al-waqi' adalah salah satu cabang penting dalam perundangan Islam yang menekankan keupayaan serta kebolehsuaian hukum syariah bagi menjawab perubahan zaman dan cabaran semasa. *Fiqh al-waqi'* terdiri daripada dua perkataan: "*fiqh*" yang bermaksud memahami, dan "*al-waqi'*" yang membawa makna realiti. Antara landasan *fiqh al-waqi'* dalam manhaj al-Qaradhawi yang dapat dilihat melalui karya-karya beliau, seperti *Al-Fatwa bayna al-Indhibath wa at-Tasayyub* (1992) dan *Taysir al-Fiqh* (1999), adalah pendekatan yang menekankan pembebasan daripada fanatik mazhab dan taklid buta. Beliau juga menekankan prinsip memberikan kemudahan dan keringanan dalam berfatwa, bukan menimbulkan keketatan atau menyulitkan urusan umat. Perbahasan mengenai *fiqh al-waqi'* merangkumi dua aspek utama, iaitu kefahaman terhadap konteks nas dan penerapannya dalam situasi semasa.

Dr. Nasir al-Umar menjelaskan bahawa *fiqh al-waqi'* merupakan satu cabang disiplin ilmu yang memberi tumpuan kepada analisis keadaan semasa dalam bidang fiqh. Ia melibatkan pemahaman terhadap pelbagai faktor yang mempengaruhi masyarakat, termasuk isu-isu sosial, ekonomi, dan politik, serta cabaran yang dihadapi oleh negara-negara Islam (Yunus et al., 2013). Disiplin ini juga merangkumi kajian terhadap pemikiran yang boleh membawa kepada penyelewengan akidah, seperti ideologi yang bercanggah dengan prinsip Islam atau pengaruh budaya luar yang negatif.

Selain itu, *fiqh al-waqi'* berperanan untuk mengenal pasti strategi terbaik dalam melindungi umat Islam daripada ancaman yang boleh menggugat keimanan mereka. Ia juga bertujuan untuk menyokong usaha memajukan masyarakat Islam, baik dari segi pembangunan spiritual mahupun material, sejajar dengan prinsip-prinsip syariah. Pendekatan ini menuntut kefahaman mendalam terhadap konteks

semasa, supaya hukum dan penyelesaian yang dicadangkan bersesuaian dengan realiti kehidupan umat Islam pada masa kini dan masa depan. Dengan kata lain, *fiqh al-waqi'* bukan sahaja menjadi alat untuk memahami isu-isu semasa tetapi juga berfungsi sebagai panduan bagi memastikan hukum-hukum Islam terus relevan, dinamik, dan mampu memberikan jawapan kepada pelbagai cabaran zaman moden.

Al-Shatibi turut menghuraikan konsep Fiqh ini dengan menekankan kepentingan menilai sesuatu perbuatan berdasarkan tujuan asalnya dan memastikan sama ada ia selaras dengan kehendak hukum syarak. Menurut beliau, seorang ulama perlu menganalisis secara teliti tindakan seseorang individu yang diwajibkan hukum dengan menilai perbuatannya dari dua aspek utama iaitu potensi untuk mencapai *maslahah* (manfaat) dan kecenderungan untuk menimbulkan *mafsadah* (kemudaratan). Selain itu, Al-Shatibi turut menegaskan kepentingan memahami niat di sebalik sesuatu perbuatan bagi memastikan ia sesuai dengan prinsip hukum Islam. Pendekatan ini memerlukan penilaian yang menyeluruh dan mendalam, bukan sahaja terhadap kesan segera sesuatu perbuatan, tetapi juga kesesuaiannya dengan matlamat utama maqasid al-shariah (objektif tertinggi syariah) (al-Kaylani, 2000).

Syeikh Abdullah Bayyah pula menekankan *fiqh al-waqi'* melalui dua teras iaitu *fiqh waqi' al-nas* yang memberi tumpuan kepada memahami konteks sesuatu hukum sama ada ia dilaksanakan atau tidak, yang dikenali sebagai *tanqih al-manath* dan *fiqh waqi' tatbiq al-nas* melibatkan analisis terhadap keadaan semasa, di mana seorang faqih akan mengenal pasti elemen-elemen yang berkaitan dengan hukum tersebut (Naqiudin, 2016). Menurut Rusli (2016), *tahqiq al-manath* merujuk kepada proses meneliti, mengkaji, dan mengenal pasti dalam usaha memastikan '*illah* (sebab hukum) yang telah ditetapkan melalui nas, ijma', atau istinbath dapat diaplikasikan kepada situasi atau permasalahan yang tidak mempunyai nas secara langsung. Proses ini bertujuan untuk memastikan hukum tersebut relevan dan sesuai dengan realiti semasa.

Dalam konteks kajian, pendekatan *fiqh al-waqi'* ini menjadi semakin penting kerana ia menawarkan kerangka yang dinamik dan relevan dalam menangani isu-isu semasa yang kompleks. Dengan pendekatan ini, analisis terhadap realiti semasa dapat dilakukan secara sistematik untuk memahami perubahan sosial, teknologi, dan perundangan yang mempengaruhi pelaksanaan hukum syariah. Ia membolehkan para ulama dan sarjana memahami konteks masalah secara menyeluruh, termasuk faktor budaya, ekonomi, dan teknologi yang membentuk realiti semasa terutama dalam menangani isu-isu kontemporari seperti jenayah siber, perjudian dalam talian, dan pelbagai bentuk pelanggaran perundangan syariah yang melibatkan teknologi moden.

Konsep ini juga memastikan bahawa hukum yang diterapkan tidak hanya bersandar kepada nas secara literal, tetapi turut mempertimbangkan faktor-faktor semasa yang mungkin mempengaruhi pelaksanaan atau kesan negatif yang akan berlaku. Perkembangan teknologi seperti forensik digital dan bukti elektronik telah membuka ruang baharu dalam proses pembuktian, sekali gus memerlukan keselarasan bersandarkan prinsip syariah yang lebih dinamik. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti peranan *fiqh al-waqi'* melalui kaedah-kaedah fiqh yang relevan sebagai asas dan sejajar terhadap perkembangan tersebut pembuktian jenayah siber.

2.0 SOROTON LITERATUR

2.1 Jenayah Syariah Siber

Jenayah Syariah Kontemporari merujuk kepada pelbagai kesalahan yang bertentangan dengan prinsip dan hukum syarak tetapi berlaku dalam konteks semasa yang lebih kompleks akibat perubahan sosial, ekonomi, dan teknologi. Walaupun beberapa kesalahan seperti perjudian, pelacuran, dan penghinaan agama telah lama wujud, era digital membawa dimensi baharu yang menjadikan jenayah ini lebih rumit untuk ditangani berbanding dimensi tradisional. Jenayah-jenayah ini tidak hanya berkisar pada isu tradisional tetapi juga melibatkan pelanggaran yang diperkukuh oleh perkembangan teknologi moden yang memerlukan pendekatan perundangan Islam yang lebih dinamik dan bersepadu. Penulis cuba menyoroti laporan-laporan kes di mahkamah syariah melalui carian di laman CLJ Prime dan Lexis Nexis, tetapi agak sukar untuk menemui kes-kes yang berlaku di alam siber kecuali hanya beberapa kes seperti kesalahan mengajar tanpa tauliah.

Namun begitu, laporan-laporan di akhbar jelas menunjukkan bahawa jenayah siber tetap berlaku secara meluas pada masa kini, termasuk pelbagai jenis kesalahan yang melanggar peruntukan akta jenayah syariah. Walaupun kes-kes ini kerap mendapat perhatian umum melalui liputan media, realitinya adalah banyak kes yang sukar didakwa dan disabitkan di mahkamah. Akibatnya, isu-isu tersebut sering kali hanya berakhir sebagai paparan berita tanpa tindakan lanjut sekali gus mencerminkan cabaran besar dalam penguatkuasaan undang-undang syariah di era digital. Hal ini dikukuhkan lagi menerusi satu kajian Ibrahim and Samudin (2022), melalui temubual bersama Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) Cawangan Putrajaya, didapati bahawa meskipun pihak penguatkuasaan menerima banyak aduan berkaitan kesalahan mengajar agama tanpa tauliah di alam siber, tiada tindakan penguatkuasaan yang berjaya diteruskan hingga ke peringkat pendakwaan di Mahkamah.

Menurut beliau, kes-kes ini lazimnya dikategorikan sebagai "*No Further Action*" (NFA), iaitu tiada tindakan lanjut diambil walaupun aduan diterima. Hal ini menunjukkan bahawa aduan berkenaan kesalahan di alam siber tetap disiasat oleh pihak penguatkuasa. Namun, cabaran utama adalah kesukaran untuk memenuhi elemen-elemen yang diperlukan di bawah peruntukan undang-undang jenayah syariah. Dalam konteks ini, kelemahan dari segi bukti dan elemen pembuktian turut menjadi halangan utama bagi kes tersebut untuk diteruskan sehingga pendakwaan.

Salah satu kesalahan utama ialah penyebaran doktrin palsu yang menjadi cabaran besar dalam masyarakat moden. Dalam era digital, penyebaran ajaran sesat tidak lagi terbatas kepada medium fizikal, tetapi kini dilakukan melalui platform media sosial dan saluran dalam talian seperti Facebook dan Youtube yang membolehkan maklumat sampai kepada audiens yang lebih luas dalam masa yang singkat. Individu atau kumpulan tertentu menggunakan teknologi ini untuk menarik pengikut dengan menyampaikan ajaran yang bercanggah dengan akidah Islam seperti mujassimah, ekstrem radikal (khawarij), Nabi palsu, dahriyyun serta ateis (Mohd Syahrin, 2017). Hal ini bukan sahaja menggugat keimanan umat tetapi juga menimbulkan ancaman kepada kestabilan sosial. Cabaran untuk mengawal jenayah

ini semakin sukar kerana identiti penyebar sering disembunyikan melalui penggunaan akaun maya yang sukar dikesan.

Jadual 1: Laporan Akhbar berkaitan Kesalahan Jenayah Syariah


Bil.	Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan)	Antara Laporan Akhbar Berkaitan Jenayah Siber
1.	Seksyen 4 Doktrin Palsu	(Bernama, 2021),
2.	Seksyen 7 Menghina Agama	(Zulkifle, 2022), (Nordin, 2024), (Tuan Ab.Ghani, 2024)
3.	Seksyen 11 Mengajar Agama Tanpa Tauliah	(Zulkifli, 2024)
4.	Seksyen 18 Berjudi	(Sinar Harian, 2024), (Kamarudin, 2024)
5.	Seksyen 21 Pelacuran	(Johari, 2024), (Roslan, 2023)
6.	Seksyen 22 Muncikari	

Selain itu, kesalahan menghina agama Islam semakin mendapat perhatian dalam konteks jenayah siber. Dalam kebanyakan kes, penghinaan agama berlaku melalui kenyataan atau kandungan yang disiarkan di platform media sosial (Zulkifle, 2022). Tindakan ini bukan sahaja mencetuskan ketegangan dalam kalangan masyarakat, tetapi turut memberikan kesan negatif yang signifikan terhadap keharmonian antara agama dan perpaduan sosial. Cabaran besar dalam menangani kesalahan ini ialah sifat maya jenayah yang merentasi sempadan, menjadikannya sukar untuk menentukan bidang kuasa undang-undang. Dalam kes seperti ini, teknologi forensik digital amat diperlukan untuk mengesan pelaku dan mengumpulkan bukti yang boleh diterima di mahkamah syariah.

Kesalahan lain yang semakin ketara ialah mengajar agama tanpa tauliah. Aktiviti ini berlaku apabila individu yang tidak berkelayakan memberikan ceramah agama atau tafsiran hukum tanpa pengiktirafan pihak berkuasa agama (Ibrahim & Samudin, 2022). Di era moden, kesalahan ini menjadi semakin rumit dengan adanya siaran langsung, webinar, dan rakaman video yang dimuat naik ke platform digital. Ajaran yang disampaikan tanpa tauliah sering kali membawa tafsiran yang salah, menyebabkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat. Untuk menangani cabaran ini, pihak berkuasa agama perlu mengawal dan memantau platform digital dengan lebih efektif, selain menyediakan mekanisme untuk menilai kandungan yang disebarluaskan secara dalam talian.

Perjudian dalam talian pula menjadi salah satu jenayah syariah yang semakin membimbangkan. Platform perjudian dalam talian menawarkan kemudahan untuk bertaruh tanpa perlu hadir secara fizikal, menjadikannya sukar untuk dikesan dan dikawal. Perjudian ini jelas bertentangan dengan syarak kerana melibatkan elemen *gharar* (ketidakpastian) dan pertaruhan yang haram. Tambahan pula, sifat transnasional perjudian dalam talian sering kali melibatkan laman web yang dihoskan di luar negara, menjadikan penguatkuasaan undang-undang syariah lebih mencabar.

Dalam kajian awal oleh Tuan Ibrahim et al. (2024) mengenai isu perjudian dalam talian, dibincangkan cabaran utama dalam penguatkuasaan undang-undang apabila elemen-elemen penting aktiviti jenayah siber, khususnya perjudian dalam talian, berlaku merentasi negeri-negeri yang berbeza. Situasi ini menimbulkan kesukaran dalam aspek pendakwaan dan penguatkuasaan kerana setiap negeri di Malaysia mempunyai bidang kuasa tersendiri berkaitan undang-undang syariah, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Senarai II, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.



Rajah 1: Gambaran aktiviti jenayah siber (judi) merentas batas geografi negeri oleh Tuan Ibrahim et al. (2024)

Jurang bidang kuasa antara negeri-negeri mengakibatkan kesukaran untuk menyelaraskan tindakan penguatkuasaan, terutamanya apabila pelaku dan bukti berada dalam lokasi geografi yang berlainan. Hal ini menjadikan proses untuk membawa pelaku ke muka pengadilan lebih kompleks, di samping mencetuskan cabaran dalam menentukan undang-undang negeri mana yang akan diguna pakai. Fenomena ini menggambarkan keperluan mendesak untuk pendekatan penguatkuasaan yang lebih seragam dan efektif dalam menangani jenayah siber seperti perjudian dalam talian. Dalam hal ini, teknologi pemantauan siber dan analisis data besar perlu digunakan untuk mengenal pasti aktiviti perjudian secara dalam talian dan mengambil tindakan terhadap pelaku.

Sementara itu, pelacuran dan muncikari turut mendapat dimensi baharu melalui penggunaan teknologi. Aktiviti ini kini disamarkan sebagai perkhidmatan lain melalui aplikasi mudah alih dan laman web tertentu seperti X dan Telegram, menjadikannya sukar untuk dikesan. Dalam Islam, pelacuran melibatkan pelanggaran serius terhadap maruah manusia dan larangan zina. Oleh itu, pengesanan dan penguatkuasaan terhadap jenayah ini memerlukan pendekatan yang

lebih canggih, termasuk penggunaan teknologi forensik digital untuk mengumpul bukti dan mengenal pasti rangkaian pelaku.

Melihat kepada perkembangan semasa lagi, satu kajian oleh Tuan Ibrahim et al. (2024) mendapati bahawa di Malaysia, teknologi Kecerdasan Buatan (AI) mula dimanipulasi dalam pengiklanan, termasuk dalam isu berkaitan wakaf dan sedekah. Teknologi ini digunakan secara tidak beretika melalui teknik "*deepfake*", di mana wajah mempengaruhi atau individu terkenal dimanipulasi untuk menarik perhatian dan meyakinkan masyarakat. Teknik ini bertujuan menjadikan kempen pengiklanan kelihatan lebih autentik, namun ia berpotensi mencetuskan kekeliruan dan menimbulkan isu penipuan, khususnya apabila digunakan untuk tujuan yang melibatkan pengumpulan dana amal.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain, dalam Podcast Edisi Khas terbitan Buletin TV3 pada 15 Disember 2024, menekankan cabaran besar dalam menangani jenayah siber, khususnya dengan perkembangan teknologi yang pesat. Beliau menyatakan bahawa "teknologi bergerak terlalu pantas", dengan Kecerdasan Buatan (AI) mengalami perubahan besar setiap 3.5 bulan, manakala proses perolehan dan naik taraf teknologi oleh pihak berkuasa mengambil masa sehingga 3 tahun atau lebih.



Rajah 2: Graf Garisan Perbandingan Tempoh Perubahan dan Perolehan Teknologi AI

Beliau menjelaskan bahawa penjenayah siber sering kali berada di hadapan kerana memiliki sumber kewangan yang mencukupi untuk menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi secara pantas. Datuk Seri Mohd Shuhaily turut menyatakan keperluan mendesak untuk memperkukuhkan aset, sumber manusia, dan latihan dalam menangani jenayah siber. Beliau melihat Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) perlu memahami dunia jenayah siber dengan lebih mendalam memandangkan demografi jenayah yang telah berubah. Cabaran ini menggambarkan keperluan

untuk strategi yang lebih dinamik dan menyeluruh dalam memastikan pihak berkuasa dapat mengatasi perubahan pesat dalam landskap jenayah siber.

Menurut penulis, isu yang diketengahkan oleh Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain, turut relevan untuk ditekankan dalam konteks penguatkuasaan dan sistem kehakiman syariah. Mahkamah Syariah sering dilihat ketinggalan dalam menghadapi revolusi teknologi, terutama dalam isu-isu berkaitan jenayah siber. Seperti yang dinyatakan, teknologi bergerak terlalu pantas, sementara proses naik taraf teknologi dalam institusi penguatkuasaan dan kehakiman syariah masih berada pada tahap yang perlahan. Cabaran ini memerlukan perhatian serius kerana demografi jenayah, termasuk jenayah yang melibatkan pelanggaran hukum syariah seperti perjudian dalam talian, doktrin palsu, atau penghinaan agama di ruang siber, telah berubah dengan drastik. Penjenayah yang memanfaatkan teknologi canggih, termasuk Kecerdasan Buatan (AI) dan teknik seperti "*deepfake*", sering kali berada jauh di hadapan berbanding kemampuan penguatkuasaan syariah untuk mengesan dan mendakwa mereka.

Keadaan ini menunjukkan bahawa, sebagaimana JSJ, penguatkuasaan syariah juga perlu melalui transformasi besar-besaran dalam aspek aset teknologi, latihan sumber manusia, dan pemahaman mendalam tentang dunia jenayah siber. Hanya melalui langkah ini, Mahkamah Syariah dapat memastikan bahawa prinsip-prinsip syariah tetap relevan dan dapat diaplikasikan secara berkesan dalam menangani jenayah-jenayah yang semakin kompleks. Kegagalan untuk mengikuti perkembangan ini akan terus menjadikan sistem penguatkuasaan dan kehakiman syariah berada dalam kedudukan yang lemah, berisiko untuk tidak mampu menangani cabaran era digital secara holistik. Kesemua jenayah ini sebenarnya mencerminkan cabaran besar dalam pelaksanaan undang-undang syariah dalam konteks moden. Era digital bukan sahaja mengubah sifat jenayah tetapi juga memperkenalkan pelbagai halangan kepada penguatkuasaan.

Oleh itu, pengurusan jenayah syariah siber memerlukan integrasi prinsip syariah dengan teknologi moden seperti forensik digital, analisis data besar, dan pemantauan siber. Pendekatan ini bukan sahaja memastikan keadilan ditegakkan tetapi juga mengekalkan keutuhan prinsip syariah dalam menghadapi cabaran dunia moden. Justeru, pendekatan yang lebih dinamik, inovatif, dan komprehensif diperlukan untuk menangani jenayah syariah siber, sambil memastikan hukum Islam terus relevan dan berkesan dalam melindungi masyarakat Islam.

2.2 Stigma Terhadap Revolusi Dalam Keterangan Di Mahkamah Syariah

Mahkamah Syariah sering dianggap ketinggalan dalam menerima perubahan teknologi, terutamanya dalam konteks keterangan dan pembuktian. Stigma ini timbul daripada persepsi bahawa sistem kehakiman syariah lebih terikat kepada pendekatan tradisional yang bergantung kepada saksi lisan, dokumen fizikal, dan kaedah konvensional. Namun, dalam era moden yang menyaksikan kemunculan jenayah siber dan perkembangan teknologi digital, keperluan untuk menerima keterangan moden seperti bukti digital menjadi semakin mendesak.

Keterangan digital yang sering menjadi bukti utama dalam kes jenayah siber, perlu melalui proses forensik digital untuk memastikan integriti dan kesahihannya. Dalam konteks syariah, keterangan digital ini turut boleh dikategorikan sebagai

qarinah, iaitu petunjuk yang boleh menjadi suatu keterangan. Qarinah diakui dalam prinsip syarak sebagai bukti tidak langsung yang boleh menyokong atau menolak keterangan lain, asalkan ia memenuhi syarat-syarat tertentu seperti ketulenan, keaslian, dan kebolehpercayaan.

Sebagai contoh, bukti seperti rekod transaksi elektronik dalam kes perjudian dalam talian atau tangkapan layar mesej penghinaan agama di media sosial boleh diterima sebagai qarinah sekiranya ia disahkan melalui proses forensik digital. Proses ini memastikan bahawa bukti tersebut tidak dimanipulasi dan boleh dipertanggungjawabkan. Walau bagaimanapun, kekurangan kefahaman dan kepakaran dalam teknologi forensik digital dalam kalangan pihak kehakiman sering menjadi cabaran utama untuk menerima keterangan jenis ini di Mahkamah Syariah. Kekangan ini mengukuhkan lagi stigma bahawa sistem kehakiman syariah enggan beradaptasi dengan perubahan zaman. Sebahagian pihak mungkin berpandangan bahawa penggunaan teknologi moden akan menjejaskan prinsip syariah dan tradisional, walaupun hakikatnya teknologi hanya berfungsi sebagai alat untuk memperkukuhkan prinsip tersebut. Sebagai institusi yang mementingkan keadilan, Mahkamah Syariah perlu mengambil langkah progresif untuk menerima keterangan digital dengan memastikan proses autentikasi yang selaras dengan prinsip syarak.

Kajian oleh Muhamad et al. (2015) telah merumuskan bahawa terdapat dua bentuk stigma yang wujud dalam kalangan pengamal undang-undang Syariah dan ahli akademik terhadap keterangan qarinah. Pertama, sebahagian pihak dalam industri perundangan Syariah berpendapat bahawa penggunaan qarinah tidak relevan dan tidak boleh diterima dalam prosiding jenayah Syariah. Mereka cenderung memberikan keutamaan kepada keterangan saksi berbanding qarinah, dengan alasan bahawa qarinah dianggap lemah dan tidak mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Persepsi ini berpunca daripada pendekatan tradisional yang terlalu bergantung kepada bukti lisan dan pengakuan sebagai asas utama dalam menetapkan kesalahan. Oleh itu, penerimaan qarinah dalam perbicaraan jenayah Syariah sering dianggap mustahil. Jika diterima sekali pun, keterangan qarinah biasanya hanya dipertimbangkan dalam kes-kes sivil atau kes-kes yang tidak melibatkan jenayah berat seperti zina atau qisas, yang memerlukan tahap pembuktian lebih tinggi seperti saksi yang memenuhi syarat tazkiyah al-shuhud.

Kedua, terdapat pandangan lain yang mendakwa bahawa keterangan qarinah hanya boleh menjadi keterangan sokongan sahaja. Pendapat ini menyatakan bahawa qarinah tidak cukup kuat untuk berdiri sendiri sebagai bukti utama, kerana sifatnya yang tidak langsung dan sering kali memerlukan keterangan tambahan untuk menyokong kesahihannya. Dalam konteks ini, qarinah dilihat sebagai alat pelengkap yang hanya berguna jika terdapat elemen lain yang menyokong keberadaannya. Sebagai contoh, dalam kes penghinaan agama melalui media sosial, tangkapan layar mungkin dianggap sebagai qarinah, tetapi hanya jika disokong oleh bukti lain seperti pengakuan pelaku yang mengesahkan keaslian bahan tersebut.

Satu kajian oleh Hazim et al., (2019) menganalisis persepsi hakim Mahkamah Syariah terhadap penggunaan qarinah sebagai bukti dalam perbicaraan jenayah, mendapati bahawa keterangan ini sering dianggap lemah dan tidak mencukupi untuk berdiri sendiri tanpa sokongan keterangan lain yang lebih kukuh. Berdasarkan carian kes yang dilaporkan dalam *Shariah Law Reports* dari 2014 hingga 2019, kajian ini mengenal pasti 18 kes berkaitan qarinah, di mana 15 kes berasal dari Mahkamah

Tinggi Syariah dan 3 kes dari Mahkamah Rayuan Syariah. Analisis menunjukkan hakim enggan menerima qarinah secara bersendirian kerana kebimbangan terhadap tahap kebolehpercayaannya, khususnya dalam kes yang tidak disokong oleh bukti lain. Stigma ini menunjukkan cabaran besar dalam merevolusikan penerimaan keterangan qarinah di Mahkamah Syariah, khususnya dalam era teknologi moden. Dalam konteks jenayah siber atau kes-kes yang bergantung kepada bukti digital, qarinah memainkan peranan penting kerana sifat bukti digital itu sendiri yang sering memerlukan analisis tidak langsung melalui forensik digital. Sebagai contoh, rekod transaksi dalam kes perjudian dalam talian atau metadata dalam fail digital mungkin tidak menunjukkan kesalahan secara langsung tetapi memberikan petunjuk kuat tentang kaitan pelaku dengan jenayah tersebut.

Justeru, stigma terhadap qarinah ini perlu ditangani dengan memperkukuhkan kefahaman dan penerimaan terhadap forensik digital sebagai keterangan yang sah dalam jenayah Syariah. Penerapan teknologi moden seperti kecerdasan buatan (AI) dan forensik digital, yang dapat meningkatkan tahap kebolehpercayaan qarinah, perlu diterokai secara lebih meluas dalam perundangan Syariah. Hal ini penting untuk memastikan Mahkamah Syariah dapat menangani jenayah kontemporari dengan lebih efektif sambil mengekalkan integriti prinsip syarak. Dengan langkah-langkah ini, qarinah bukan sahaja akan diterima sebagai keterangan sokongan tetapi juga sebagai bukti yang kukuh dalam membuktikan kebenaran sesuatu kes.

3.0 METODOLOGI

Menurut Robson (2011), pemilihan metodologi kajian bergantung kepada jenis maklumat yang ingin diperoleh, sumber maklumat tersebut, dan situasi di mana ia dipilih. Kajian ini menggunakan teknik pengumpulan dan analisis kandungan dokumen sebagai kaedah utama untuk memperoleh dan menganalisis data. Menurut Md Ariffin et al. (2024), analisis kandungan dokumen merupakan kaedah saintifik yang melibatkan prosedur khusus untuk menghasilkan pandangan baharu, meningkatkan pemahaman terhadap fenomena tertentu, dan menjelaskan tindakan yang bersifat praktikal. Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan dan analisis dokumen untuk meneliti bagaimana prinsip *fiqh al-waqi'* melalui kaedah *fiqh* diterapkan dalam pembuktian kesalahan jenayah syariah, terutama dalam konteks penggunaan teknologi moden bagi menghadapi cabaran realiti semasa.

4.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Keterangan Forensik Digital Masa Kini

Keterangan digital boleh dianggap sebagai bukti utama (*primary evidence*) apabila alat asal yang digunakan untuk merekod atau menghantar data dibawa ke mahkamah. Namun demikian, keterangan jenis ini sering dipertikaikan kerana terdapat kemungkinan data telah dimanipulasi atau diubah, menjadikannya dokumen yang tidak sah (Kallil & Che Yaacob, 2019). Oleh itu, pengesahan melalui prosedur saintifik di bawah bidang forensik digital adalah sangat diperlukan untuk memastikan integriti keterangan. Tanpa prosedur tersebut, mahkamah mungkin menolak keterangan digital atas alasan keraguan terhadap kesahihannya.

Menurut penulis dalam konteks Mahkamah Syariah, peruntukan undang-undang berkaitan keterangan digital dalam Akta atau Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah boleh diletak di bawah ruang lingkup keterangan bayyinah, dokumentari (*al-kitabah*), keterangan keadaan (*al-qarinah*), dan keterangan pendapat pakar (*al-ra'y al-khabir*) berdasarkan keperluan, ciri-ciri serta syarat-syarat kesemua keterangan tersebut. Walau bagaimanapun, undang-undang ini belum memperincikan prosedur pengesahan khusus untuk keterangan digital. Berbeza dengan Seksyen 90A Akta Keterangan 1950 di bawah undang-undang sivil Malaysia, yang menyediakan mekanisme pengesahan melalui sijil pakar untuk memastikan bahawa alat digital berfungsi dengan betul dan data yang dikemukakan boleh dipercayai (Kallil & Che Yaacob, 2019).

Dalam mendapatkan keterangan daripada alat digital, prosedur forensik digital perlu diikuti untuk memastikan keaslian dan ketulenan bukti dapat dipelihara (Granja & Rafael, 2017). Proses ini melibatkan empat langkah utama iaitu pengumpulan, pemeliharaan, analisis dan pembentangan bukti digital (Hargreaves & Patterson, 2012; Adams et al. 2013; Yaacoub et al., 2021; Pasupuleti, 2024). Setiap langkah memerlukan penggunaan alat dan teknik khusus untuk memastikan bukti yang diperoleh dapat diterima sebagai keterangan di mahkamah. Forensik digital juga mempunyai keupayaan untuk menemukan bukti atau bahkan memulihkan maklumat yang telah dipadamkan, sama ada secara sengaja atau tidak sengaja. Dengan kata lain, matlamat utama forensik digital adalah untuk mendapatkan semula, menganalisis dan membentangkan bahan berasaskan komputer dengan cara yang boleh digunakan sebagai keterangan yang sah di mahkamah (Vacca, 2005; Rago, 2006). Pendekatan ini memastikan bukti digital, walaupun kelihatan tidak dapat diakses, boleh dikembalikan untuk membantu menyelesaikan kes-kes yang kompleks.

Di Malaysia, pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan terlibat dalam pelaksanaan dan aplikasi sains forensik, yang menjadi elemen penting dalam pelbagai aspek penyiasatan dan penguatkuasaan undang-undang. Antara agensi utama yang berperanan dalam bidang ini ialah Pusat Analisis Sains Forensik Kimia Malaysia, Unit Forensik Polis Diraja Malaysia, CyberSecurity Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), serta Jabatan Forensik di hospital-hospital kerajaan dan swasta (Ahmad et al., 2019). Salah satu makmal forensik digital yang ditubuhkan pada tahun 2012 telah mematuhi garis panduan MS ISO/IEC 17025:2005 (*General Requirements for the Competence of Testing and Calibration Laboratories*) dan diiktiraf di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) (Abu Nong, 2017).

Pengiktirafan ini memastikan makmal berkenaan mematuhi standard kompetensi yang diakui di peringkat nasional dan antarabangsa. Dengan pematuhan kepada piawaian ini, makmal tersebut dapat menjalankan analisis forensik digital dengan tahap integriti dan ketepatan yang tinggi. Hal ini menjadikannya rujukan utama dalam pelbagai kes yang melibatkan bukti digital. Keupayaan ini amat penting dalam memastikan bukti yang dikemukakan di mahkamah memenuhi syarat sah dan dapat diterima sebagai keterangan yang boleh dipercayai. Terdapat empat jenis makmal forensik digital yang boleh dikategorikan berdasarkan keperluan dan jenis kes yang diterima. Pengelasan ini membolehkan setiap makmal memberikan

tumpuan kepada bidang tertentu dan memastikan analisis dan pemprosesan bukti dilakukan dengan kepakaran yang relevan.

Jadual 2: Klasifikasi Jenis Makmal Forensik Digital

Jenis Makmal	Keterangan
Forensik komputer	Menjalankan analisa peranti digital seperti komputer, alat penyimpanan data dan lain-lain. Peralatan yang digunakan diiktiraf oleh pengamal forensik di seluruh mahkamah dalam dan luar nnegara.
Forensik Telefon	Menjalankan analisa data dari semua jenis telefon bimbit yang terdiri daripada pelbagai sistem operasi seperti IOS, Android, Symbian dan lain-lain.
Pemulihan Data	Berfungsi untuk memulihkan data yang telah hilang, rosak, dipadam dan sebagainya. Prosedur pemulihan data perlu dijalankan dalam <i>Clean Room</i> disebabkan sifat peranti elektronik yang sangat sensitif.
Pengimejan Data	Berfungsi menjalankan salinan bukti digital pendua yang sama sebagaimana bukti asal.

Menurut Ketua Jabatan Forensik Digital SKMM, Abu Nong (2017), Makmal Forensik Digital SKMM pada asalnya ditubuhkan untuk menangani kes-kes yang disiasat di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, dengan memberi tumpuan kepada penguatkuasaan undang-undang berkaitan komunikasi dan teknologi digital. Penubuhan makmal ini telah membolehkan proses siasatan diselesaikan dalam tempoh yang lebih singkat, sekali gus meningkatkan kecekapan dalam menangani kes-kes di bawah akta berkenaan.

Seiring dengan perkembangan teknologi yang pesat, makmal ini telah memperluas peranannya dengan menyediakan bantuan kepakaran forensik digital kepada pelbagai agensi penguatkuasaan lain. Kepakaran ini turut merangkumi ruang dan sokongan terhadap agensi penguatkuasaan syariah, khususnya dalam menangani kesalahan yang berkaitan dengan Akta Kesalahan Jenayah Syariah. Penglibatan makmal ini dalam penyiasatan kes-kes jenayah syariah mencerminkan keupayaan teknologi forensik digital untuk menyokong keperluan spesifik undang-undang syariah. Proses ini memastikan bukti yang diperoleh memenuhi piawaian undang-undang yang amat teliti dan dapat membantu memperkukuhkan integriti serta keberkesanan sistem perundangan syariah dalam era digital.

4.2 Keperluan Forensik Digital Pada Kaca Mata *Fiqh Al-Waqi'*

Penggunaan *fiqh al-waqi'* tidak hanya bersandar kepada hujah logik atau pertimbangan masalah semata-mata, tetapi ia berlandaskan kaedah-kaedah fiqh dan usul fiqh yang menjadi asas dalam memahami dan mengaplikasikan hukum secara terperinci, termasuk dalam konteks keterangan digital. Pendekatan ini memastikan bahawa keputusan hukum bukan sahaja relevan dengan cabaran teknologi moden, tetapi juga tetap terikat dengan prinsip syarak yang menjadi panduan utama dalam perundangan Islam.

Berdasarkan sorotan literatur, kesalahan jenayah syariah, terutamanya jenayah siber seperti perjudian dalam talian, penipuan, dan penghinaan agama, telah melangkaui batasan kaedah keterangan konvensional seperti ikrar dan syahadah. Hal ini memerlukan adaptasi keterangan moden melalui penggunaan forensik digital untuk memastikan keadilan dapat ditegakkan. Makmal forensik digital di Malaysia, yang telah diiktiraf di peringkat nasional dan antarabangsa, menyediakan kapasiti teknikal dan kepakaran yang diperlukan untuk mengumpul, menganalisis dan mengesahkan bukti elektronik. Namun, penggunaannya dalam Mahkamah Syariah masih belum dimaksimumkan. Sebaliknya, masih wujud stigma dalam kalangan pengamal undang-undang syariah yang cenderung kepada pendekatan tradisional dan konvensional. Stigma ini menghalang penerimaan sepenuhnya terhadap keterangan digital, walaupun ia telah terbukti dapat membantu menyelesaikan kes-kes jenayah siber dengan lebih efisien dan tepat. Penulis berpendapat bahawa Mahkamah Syariah perlu mengambil langkah progresif untuk memanfaatkan potensi forensik digital sepenuhnya, termasuk memastikan bahawa bukti digital memenuhi piawaian syarak dan diterima sebagai qarinah yang sah dalam pembuktian.

Sebagai respons terhadap cabaran ini, penulis memilih beberapa kaedah fiqh untuk menilai kesesuaian keterangan yang diperoleh melalui forensik digital dalam beradaptasi dengan *waqi'* (realiti semasa). Kaedah-kaedah ini menjadi asas penting dalam memastikan penerimaan keterangan digital bukan sahaja sejajar dengan kehendak syarak tetapi juga mampu menghadapi cabaran kontemporari yang melibatkan jenayah siber. Dengan pendekatan ini, integrasi teknologi moden ke dalam sistem perundangan syariah dapat dipertingkatkan, selaras dengan matlamat untuk menegakkan keadilan secara holistik dan relevan dalam konteks dunia hari ini.

La Yunkar Taghayyur al-Ahkam bi Taghayyur al-Azman wa al-Ahwal

Kaedah ini turut dimuatkan dalam *Majallah al-Ahkam al-'Adliyyah* dengan ungkapan ungkapan yang sama. Namun, kaedah ini bukan berasal daripada kata-kata ulama salaf, seperti yang dinyatakan oleh al-Ghamidi (2008). Kaedah ini bermaksud bahawa hukum-hukum yang berubah adalah hukum yang berasaskan kepada *uruf* (kebiasaan) dan adat. Perubahan ini berlaku kerana keperluan manusia berubah mengikut peredaran zaman, menjadikan hukum tersebut perlu disesuaikan dengan keadaan semasa (Mohd Noor, 2021). Dalam konteks revolusi pembuktian jenayah syariah kontemporari, kaedah ini menegaskan bahawa perkembangan teknologi moden, seperti forensik digital perlu diterima sebagai sebahagian daripada proses pembuktian, selagi ia selaras dengan maqasid al-shariah.

Perubahan zaman telah membawa kepada kemunculan pelbagai bentuk jenayah baharu yang tidak dapat ditangani sepenuhnya melalui kaedah pembuktian tradisional seperti ikrar dan syahadah. Sebagai contoh, jenayah seperti perjudian dalam talian memerlukan pendekatan pembuktian yang lebih relevan dengan perkembangan teknologi semasa (Tuan Ibrahim et al., 2024). Dalam situasi ini, bukti digital seperti metadata, log server, dan rekod transaksi elektronik memainkan peranan penting sebagai wasilah bagi membuktikan kesalahan. Bukti-bukti ini mampu menyokong proses pembuktian yang lebih cepat, tepat, dan berkesan, sekali gus membantu penguatkuasaan undang-undang Syariah menghadapi cabaran era digital.

Pendekatan ini tidak hanya memenuhi keperluan praktikal tetapi juga selaras dengan prinsip maqasid al-shariah seperti hifz al-din (menjaga agama) dan hifz al-mal (menjaga harta). Sebagai contoh, penggunaan rekod transaksi elektronik dalam kes perjudian dalam talian bukan sahaja membantu melindungi hak harta mangsa tetapi juga menjaga hifz al-din dengan mencegah penyebaran aktiviti haram yang bertentangan dengan prinsip Islam. Begitu juga, analisis bukti digital dalam kes penghinaan agama di ruang siber dapat mempertahankan kesucian agama daripada tindakan yang merosakkan keharmonian umat Islam.

Melalui penerapan prinsip-prinsip ini, keadilan bukan sahaja dapat ditegakkan tetapi juga dilaksanakan tanpa mengabaikan nilai-nilai asas syarak. Dengan memanfaatkan bukti digital sebagai sebahagian daripada proses pembuktian, Mahkamah Syariah dapat memastikan bahawa sistem perundangan Islam kekal relevan dan responsif terhadap perubahan zaman, sambil terus menjaga integriti hukum dan keadilan yang dituntut oleh syariah. Pendekatan ini juga mencerminkan fleksibiliti hukum Islam dalam menghadapi cabaran teknologi moden tanpa mengorbankan prinsip-prinsip asasnya.

Al-Dhararu Yuzal

Kaedah *Al-Dhararu Yuzal* menegaskan bahawa segala bentuk kemudaratan yang timbul, sama ada bersifat nyata atau berpotensi berlaku, wajib dihapuskan. Kemudaratan ini dilihat sebagai ancaman kepada keadilan dan kesejahteraan, dan oleh itu perlu dielakkan bagi memastikan keharmonian masyarakat terpelihara (Abu Bakar et al., 2023). Muhammad Azzam (2005) mendefinisikan *al-dharar* sebagai sesuatu yang bertentangan dengan manfaat, di mana segala perkara yang tidak membawa kebaikan dianggap sebagai kemudaratan yang mesti dicegah.

Dalam konteks pembuktian jenayah syariah, kaedah ini memberi ruang kepada pendekatan lebih progresif untuk menangani cabaran jenayah kontemporari. Perkembangan teknologi seperti forensik digital memungkinkan pengumpulan bukti yang lebih objektif dan terperinci, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada kaedah tradisional yang sering kali tidak mencukupi. Sebagai contoh, analisis data elektronik dalam kes jenayah siber bukan sahaja meningkatkan kebolehpercayaan bukti tetapi juga membantu menghindarkan kelewatan dalam proses perbicaraan, yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada pihak terlibat. Penerapan teknologi ini dalam pembuktian selari dengan objektif kaedah *Al-Dhararu Yuzal* untuk menghapuskan ketidakpastian dan keraguan dalam menentukan kesalahan. Contohnya, dalam kes jenayah yang melibatkan fitnah di media sosial, bukti digital seperti jejak log atau metadata dapat menjelaskan fakta-fakta penting yang mungkin sukar diperoleh melalui kaedah lain. Dengan memanfaatkan teknologi, pihak berkuasa boleh memastikan bahawa proses pembuktian bukan sahaja lebih telus tetapi juga mampu mengelakkan sebarang ketidakadilan kepada mangsa atau tertuduh.

Lebih signifikan lagi, penerapan kaedah ini menggariskan keperluan untuk menangani kemudaratan secara strategik dengan mengadaptasi teknologi moden tanpa mengkompromikan nilai-nilai syarak. Bukti digital, apabila disahkan melalui prosedur yang ketat seperti penulisan di atas, boleh memainkan peranan utama dalam membuktikan kesalahan secara sah dan adil. Ini juga memberikan kelebihan

kepada sistem perundangan syariah untuk menangani kes-kes yang sebelum ini sukar dibuktikan akibat kekangan kaedah konvensional. Kesimpulannya, kaedah *Al-Dhararu Yuzal* bukan sahaja menawarkan prinsip umum tentang penghapusan kemudaratan tetapi juga menjadi asas bagi Mahkamah Syariah untuk mengintegrasikan teknologi dalam proses pembuktian. Langkah ini bukan sahaja memastikan keadilan tercapai tetapi juga memperkukuhkan kedudukan sistem perundangan syariah sebagai institusi yang responsif terhadap cabaran semasa.

Tasarruf al-Imam 'ala al-Ra'iyah Manutun bi al-Maslahah

Kaedah *Tasarruf al-Imam 'ala al-Ra'iyah Manutun bi al-Maslahah* menegaskan bahawa setiap keputusan dan tindakan pemerintah mesti berpaksikan kepada masalah (kepentingan umum) dan bertujuan membawa kebaikan kepada rakyat (Abdul Rahman, 2015). Dalam Islam, tanggungjawab kepemimpinan adalah amanah yang diberikan oleh Allah untuk memastikan kebajikan masyarakat terpelihara dan keadilan ditegakkan. Oleh itu, segala dasar dan undang-undang yang digubal perlu sentiasa berlandaskan kepentingan semasa yang selaras dengan nilai-nilai syarak.

Di Malaysia, sistem kehakiman syariah terletak di bawah bidang kuasa negeri sebagaimana yang diperuntukkan dalam Senarai II, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Hal ini memberikan kuasa kepada Dewan Undangan Negeri untuk menggubal enakmen berkaitan undang-undang syariah, termasuk peraturan pembuktian di mahkamah syariah. Berdasarkan kaedah ini, adalah menjadi tanggungjawab setiap negeri untuk menilai keberkesanan enakmen dan peraturan sedia ada, serta memastikan ia sejajar dengan keperluan dan cabaran semasa. Kaedah ini memberikan panduan kepada pemerintah negeri agar sentiasa mengambil kira perkembangan yang berlaku dalam masyarakat, terutamanya apabila berdepan dengan perubahan zaman yang memperkenalkan bentuk-bentuk cabaran baharu. Setiap keputusan yang dibuat haruslah memberi manfaat kepada rakyat, memastikan keadilan tercapai dan mengelakkan sebarang bentuk kemudaratan kepada masyarakat. Ini mencerminkan sifat fleksibel hukum Islam dalam menyesuaikan diri dengan realiti dan tuntutan semasa.

Oleh itu, kaedah ini bukan sahaja memberi penekanan kepada tanggungjawab pemerintah untuk menjaga kebajikan masyarakat tetapi juga kepada keperluan untuk sentiasa mengadaptasi dasar dan peraturan agar selari dengan masalah yang berubah mengikut keadaan zaman. Pendekatan ini menegaskan peranan pemerintah sebagai pelindung kepentingan rakyat dalam segala aspek, termasuk sistem kehakiman syariah.

5.0 KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan dan perbincangan, kajian ini menegaskan keperluan mendesak untuk integrasi teknologi moden, seperti forensik digital ke dalam sistem pembuktian Mahkamah Syariah. Keterangan digital yang boleh dianggap sebagai bukti utama apabila prosedur saintifik dipatuhi, membuka ruang baharu dalam menangani jenayah moden seperti jenayah siber yang melampaui kaedah pembuktian konvensional. Walaupun makmal forensik digital di Malaysia telah diiktiraf di peringkat nasional dan antarabangsa serta mampu menyediakan bukti

berkualiti tinggi, penggunaannya dalam Mahkamah Syariah masih terbatas akibat stigma yang cenderung kepada pendekatan tradisional. Dalam konteks *fiqh al-waqi'*, kaedah-kaedah seperti *La Yunkar Taghayyur al-Ahkam bi Taghayyur al-Azman wa al-Ahwal*, *Al-Dhararu Yuzal*, dan *Tasarruf al-Imam 'ala al-Ra'iyah Manutun bi al-Maslahah* membuktikan bahawa hukum syariah adalah fleksibel dalam menyesuaikan diri dengan cabaran semasa tanpa mengabaikan prinsip asas syarak. Kaedah-kaedah ini menekankan pentingnya penghapusan kemudarat, penerimaan perubahan zaman dan pelaksanaan dasar berdasarkan masalah untuk memastikan keadilan dapat ditegakkan dengan lebih berkesan.

Oleh itu, kajian ini menyarankan agar Mahkamah Syariah mengambil langkah progresif untuk memanfaatkan sepenuhnya keupayaan teknologi forensik digital, termasuk menetapkan prosedur pengesahan yang lebih jelas dalam Akta atau Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah. Langkah ini bukan sahaja akan meningkatkan integriti dan keberkesanan pembuktian, tetapi juga memperkukuhkan kedudukan Mahkamah Syariah sebagai institusi yang responsif terhadap cabaran realiti moden, sekaligus memastikan prinsip maqasid al-shariah terus dipelihara. Penulis melihat penyelidikan lanjut perlu memberi tumpuan kepada keserasian teknologi baharu dengan kehendak syariah untuk mempercepatkan penyesuaian sistem perundangan Islam kepada era digital.

Sumbangan Pengarang

Tuan Ibrahim, T. M. F. H., Nor Muhamad, N. H., Alias, M. A. A. dan Baharuddin, A. S., telah terlibat secara langsung dalam keseluruhan proses penerbitan artikel ini, bermula daripada pembangunan idea, pengumpulan dan analisis data, penulisan manuskrip, semakan literatur, sehingga kepada penyuntingan akhir sebelum penghantaran artikel kepada penyelar jurnal.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- Abdul Rahman, M. Z. (2015). Aplikasi Maqasid Al-Syari'Ah Dalam Pentadbiran Negara: Satu Tinjauan Sejarah Islam. *Jurnal Fiqh*, 12, 29–56.
- Abu Bakar, M. S., Samuri, M. A. A., Yusof, W., & Mohamad, A. B. (2023). Aplikasi Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah Dalam Instrumen Tahanan Pencegahan Di Malaysia. *Journal Of Contemporary Islamic Law*, 8(2). <https://doi.org/10.26475/Jcil.2023.8.2.08>
- Abu Nong, R. (2017). Pengalaman Jabatan Forensik Digital Suruhanja Komunikasi Dan Multimedia Malaysia. In Undang-Undang Jenayah Syariah Di Alam Siber. Jabatan Pengurusan Rangkaian Media, SKMM.

- Adams, R., Hobbs, V., & Mann, G. (2013). The Advanced Data Acquisition Model (Adam): A Process Model For Digital Forensic Practice. *Journal Of Digital Forensics, Security And Law*, 8(4). <https://doi.org/10.15394/Jdfsl.2013.1154>
- Ahmad, M. H., Razak, R., Saharudin, N. S., Abd Rahman Shah, H., Hashim, H., & Baharuddin, A. S. (2019). Nafas Baru Kepada Tahap Pembuktian Qarinah Dalam Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah. *Diskusi Syariah Dan Undang-Undang: Siri 1* 2019, 25–39.
- Al Qaradawi, Y. (1992). *Al Fatwa Bayn Al Indibat Wa Al Tasayyub*. Kaherah: Dar Sahwah
- Al Qaradawi, Y. (1999). *Taysir Al Fiqh Li Al Muslim Al Mu'asir*. Kaherah: Maktabah Wahbah
- Al-Kaylani, A. I. Z., (2000), *Qawa'id Al-Maqasid 'Inda Al-Imam Al-Shatibi : 'Ardan Wa Dirasatan Wa Tahlilan*, Dar Al-Fikr.
- Granja, F. T. M., & Rafael, G. D. R. (2017). Model For Digital Evidence Preservation In Criminal Research Institutions - Predeci. *International Journal Of Electronic Security And Digital Forensics*, 9(2), 150. <https://doi.org/10.1504/Ijesdf.2017.083989>
- Ibrahim, N., & Samudin, S. A. (2022). Cabaran Penguatkuasaan Undang-Undang Bagi Kesalahan Jenayah Syariah Mengajar Agama Tanpa Tauliah Di Alam Siber: Kajian Di Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. *Journal Of Shariah Law Research*, 7(2), 241–272. <https://mojem.um.edu.my/index.php/jslr/article/view/40860>
- Md Ariffin, M. F., Mohamad Riza, N. S., Hamdan, M. N., Md Radzi, M. S. N., Abdul Rahman, N. H., & Abdul Hamid, M. F. (2024). Nama Haram Tapi Produk Halal: Pandangan Dari Perspektif Undang-Undang Malaysia Dan Hukum Islam. *Malaysian Journal Of Syariah And Law*, 12(1), 157–173. <https://doi.org/10.33102/Mjsl.Vol12no1.541>
- Mohd Shahrar, M. F. (2017). Ancaman Akidah Dan Pemikiran Di Alam Siber. In *Undang-Undang Jenayah Syariah Di Alam Siber*. Jabatan Pengurusan Rangkaian Media, SKMM.
- Muhamad, M. M., Mohd Shariff, A. A., Rajamanickam, R., Abdul Rahman, M., Zahid, A., & Ismail, N. (2015). Qarinah: Admissibility Of Circumstantial Evidence In Hudud And Qisas Cases. *Mediterranean Journal Of Social Sciences*, 6(2), 141–150. <https://doi.org/10.5901/Mjss.2015.V6n2p141>
- Muhammad Azzam, A. A. (2005) *Al-Qawā'id Alfihiyyah*. Dār Al-Hadīth
- Naqiuddin, A. (2016). *Gagasan Pemikiran Syeikh Abdullah Bin Bayyah*, Terjemahan Artikel Pilihan. Nur Fattah Publication
- Nuriskandar, L. H. (2021). Perbandingan Metode Pembuktian Secara Qarinah Di Terengganu (Malaysia) Dan Aceh (Indonesia). *Jurnal Darussalam Pemikiran Hukum Tata Negara Dan Perbandingan Mazhab*, 1(2), 150–166. <https://doi.org/10.59259/Jd.V1i2.10>
- Pasupuleti, M. K. (2024). International Journal Of Academic And Industrial Research Innovations Title: Digital Forensics Uncovering Cyber Evidence. *International Journal Of Academic And Industrial Research Innovations*, 4(1).
- Robson, C. (2011). *Real World Research*. Ed. Ke-3. Chichester: John Wiley And Sons Ltd

- Rusli, M. F. (2016, December 5). Irsyad Usul Al-Fiqh Siri Ke-14: Tanqih Al-Manath, Takhrij Al-Manath, Dan Tahqiq Al-Manath. www.Muftiwp.Gov.My Website: <https://www.Muftiwp.Gov.My/Ms/Artikel/Irsyad-Usul-Fiqh/1392-Irsyad-Usul-Al-Fiqh-Siri-14-Tanqih-Al-Manath-Takhrij-Al-Manath-Dan-Tahqiq-Al-Manath>
- Saks, M. J. (2006). Review Of: Forensic Evidence: Science And The Criminal Law, 2nd Edition. *Journal Of Forensic Sciences*, 51(6), 1446–1447. <https://doi.org/10.1111/J.1556-4029.2006.00294.X>
- Tuan Ibrahim, T. M. F. H. ., Faisal, M. S., & Baharuddin, A. S. (2024). Judi Dalam Talian: Analisis Awal Isu Dan Cabaran Pendakwaan Di Bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Di Malaysia. *Al-Qanatir: International Journal Of Islamic Studies*, 33(4), 1–10. <https://Al-Qanatir.Com/Aq/Article/View/945>
- Tuan Ibrahim, T. M. F. H., Faisal, M. S., Baharudin , A. S., & Alias, M. A. A. (2024). A Review Of Emerging Crimes And Challenges Artificial Intelligence (Ai) Manipulation In Digital Advertising From A Malaysian Legal Perspective. *International Conference On Syariah, Law And Science (Cforsj I-Conf)*, 2(1), 41–47.
- Yaacoub, J.-P. A., Noura, H. N., Salman, O., & Chehab, A. (2022). Advanced Digital Forensics And Anti-Digital Forensics For IOT Systems: Techniques, Limitations And Recommendations. *Internet Of Things*, 19, 100544. <https://doi.org/10.1016/J.Iot.2022.100544>
- Yunus, A. M., Ghani, A. A., Man, S., Mohamad, M., & Mohd, W. (2013). An Analysis Of Fiqh Al-Waqi' (An Understanding Of Contemporary Problems) On The Ruling Of Compulsory Boycott Of KFC (Malaysia). *Deleted Journal*, 3(1), 194–202.
- Zulkifle, S. (2022, July 18). Lagi Kes Menghina Agama, Polis Kelantan Tahan Individu Hina Islam Di Facebook. [Gempak.Com](https://gempak.com); [Gempak](https://gempak.com). <https://Gempak.Com/Rojakdaily/Berita-Terkini/Lagi-Kes-Menghina-Agama-Polis-Kelantan-Tahan-Individu-Hina-Islam-Di-Facebook-73602>
- Zulkifli, S. (2024, November 14). [Video] Gisbh: Timbalan Mudir Didakwa Mengajar Tanpa Tauliah | Sinar Harian. [Sinar Harian](https://www.sinarharian.com.my). <https://Www.Sinarharian.Com.My/Article/696499/Berita/Semasa/Video-Gisbh-Timbalan-Mudir-Didakwa-Mengajar-Tanpa-Tauliah>